



**GARIS PANDUAN NAMA FIRMA YANG BOLEH DILULUSKAN
BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING UKUR BAHAN DENGAN
LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA**

1.0 PANDUAN UMUM

1.1 Tujuan

Untuk memastikan setiap permohonan pendaftaran firma Perunding Ukur Bahan telah memenuhi keperluan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) dari segi cadangan nama firma yang ingin didaftarkan.

1.2 Latar Belakang

Garis Panduan Nama Firma Yang Boleh Diluluskan Bagi Permohonan Pendaftaran Firma Perunding Ukur Bahan Dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia pernah dikeluarkan melalui Surat Pekeliling LJBM No 1/2010 bertarikh 22 Mac 2010 dan telah dikemaskini melalui dokumen berikut :

- (i) Garis Panduan Pendaftaran LJBM (pindaan November 2016)
- (ii) Garispanduan Nama Firma Yang Boleh Diluluskan Bagi Permohonan Pendaftaran Firma Perunding Ukur Bahan Dengan LJBM yang berkuatkuasa pada 12.08.2021

Garis Panduan ini akan memperjelaskan ketetapan perkara 6.1.5 dalam Garis Panduan Pendaftaran LJBM (pindaan November 2016) berkaitan nama Firma Perunding Ukur Bahan

1.3 Tafsiran

Berikut adalah tafsiran bagi terma yang digunakan dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya membawa maksud berbeza :

- (a) “Firma Perunding Ukur Bahan” bermaksud firma yang berdaftar dengan LJBM dan mempunyai permit pendaftaran yang sah mengikut tahun semasa yang dikeluarkan oleh LJBM;
- (b) “Nama Firma” bermaksud nama yang digunakan untuk pendaftaran Firma Perunding Ukur Bahan dengan LJBM

2.0 GARIS PANDUAN NAMA FIRMA YANG BOLEH DILULUSKAN BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING UKUR BAHAN

2.1 Syarat Asas

2.1.1 Pemohon wajib membuat semakan terlebih dahulu dengan sekretariat LJBM bagi memastikan nama yang dicadangkan mematuhi keperluan pendaftaran LJBM.



**GARIS PANDUAN NAMA FIRMA YANG BOLEH DILULUSKAN
BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING UKUR BAHAN DENGAN
LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA**

- 2.1.2 Nama Firma yang ingin didaftarkan tidak pernah didaftarkan dengan LJBM sebelum ini.
- 2.1.3 Nama Firma yang ingin didaftarkan mesti mengandungi terma 'Perunding Ukur Bahan' atau 'Quantity Surveying Consultant' dengan ejaan penuh.
- 2.1.4 Kelulusan nama firma adalah di peringkat Jawatankuasa Pendaftaran dan Kelayakan LJBM. Maksud rekaan perkataan nama firma hendaklah dinyatakan.
- 2.1.5 Pemohon diminta merujuk kepada Garis Panduan Pendaftaran Nama Perniagaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Garis Panduan boleh dimuat turun melalui laman web www.ssm.com.my

2.2 Syarat Tambahan

Syarat tambahan adalah berdasarkan kategori firma yang ingin didaftarkan seperti berikut:

2.2.1 Firma Pertubuhan Perbadanan

- (i) Tidak menggunakan nama yang terlalu umum atau "*superflous*".
Contoh nama yang terlalu umum adalah Perunding Ukur Bahan atau QS Consultant.
- (ii) Nama firma mesti melambangkan perkhidmatan profesional sebagai firma Perunding Ukur Bahan.
- (iii) Telah memperolehi kelulusan pendaftaran firma dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

2.2.2 Firma Perkongsian

- (i) Tidak menggunakan nama yang terlalu umum atau "*superflous*".
Contoh nama yang terlalu umum adalah Perunding Ukur Bahan atau QS Consultant.
- (ii) Nama firma mesti melambangkan perkhidmatan profesional sebagai firma Perunding Ukur Bahan



**GARIS PANDUAN NAMA FIRMA YANG BOLEH DILULUSKAN
BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING UKUR BAHAN DENGAN
LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA**

2.2.3 Firma Usahasama (Joint Venture)

Gabungan kesemua nama firma yang bergabung dan diikuti dengan terma JV seperti berikut: danJV.

(Contoh : *ABC Sdn Bhd dan Perunding Ukur Bahan DEF JV*)

2.2.4 Firma Ketuanpunyaan Tunggal

Pendaftaran firma ketuanpunyaan tunggal perlu membayangkan nama prinsipal dan mengikut format nama yang telah ditetapkan seperti berikut :

- (i) Perunding Ukur Bahan (membayangkan nama prinsipal); atau
- (ii)(membayangkan nama prinsipal) Quantity Surveying Consultant

2.3 Nama Yang Tidak Diterima Untuk Pendaftaran

Jawatankuasa Pendaftaran dan Kelayakan LJBM boleh untuk menolak atau menengguhkan permohonan pendaftaran firma Perunding Ukur Bahan sekiranya nama firma yang ingin didaftarkan didapati :

- (i) Tidak melambangkan firma yang memberikan perkhidmatan profesional sebagai Perunding Ukur Bahan
- (ii) Terlalu umum atau "superflous"
- (iii) Tidak bersesuaian untuk didaftarkan sebagai sebuah firma Perunding Ukur Bahan

Contoh nama yang tidak dibenarkan adalah : Hero, The Only QS, Ukur Bahan Sdn Berhad, International QS Sdn Bhd

3.0 PEMBATALAN

Garis Panduan ini membatalkan Garis Panduan Nama Firma Yang Boleh Diluluskan Bagi Permohonan Pendaftaran Firma Perunding Ukur Bahan Dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia bertarikh 12 Ogos 2021

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai 16.05.2022.



**GARIS PANDUAN NAMA FIRMA YANG BOLEH DILULUSKAN
BAGI PERMOHONAN PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING UKUR BAHAN DENGAN
LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA**

5.0 PEMAKAIAN

Garis Panduan ini terpakai untuk semua firma Perunding Ukur Bahan dan ahli-ahli berdaftar LJBM.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh dimajukan melalui e-mail ke alamat info@bqsm.gov.my

Sr Jamisah binti Ibrahim, CQS

Pendaftar

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia